

## BAB 4: PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

1. Pernyataan manakah yang merujuk kepada Penyata Pendapatan?
  - A. Penyata yang menunjukkan penerimaan wang bagi sesuatu tempoh
  - B. Penyata yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti pada sesuatu tempoh
  - C. Penyata yang menunjukkan keuntungan atau kerugian perniagaan bagi sesuatu tempoh
  - D. Penyata yang menunjukkan modal yang diterima oleh perniagaan bagi sesuatu tempoh
  
2. Pernyataan manakah yang betul tentang kos?
  - A. Kos yang dibayar oleh perniagaan apabila membeli sesuatu barangan
  - B. Disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu projek dilaksanakan
  - C. Tidak berubah walaupun tingkat pengeluaran berubah
  - D. Menunjukkan penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan bagi sesuatu tempoh
  
3. Yang manakah benar tentang titik pulang modal?
  - I Keuntungan maksimum tercapai
  - II Kerugian dapat diminimumkan
  - III Jumlah hasil sama dengan jumlah kos
  - IV Hasil dapat menampung kos yang wujud
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
  
4. Butir yang manakah terdapat dalam Penyata Pendapatan?
  - I Jualan
  - II Kenderaan
  - III Pinjaman
  - IV Sewa dibayar
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

5. Butir yang manakah tidak dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Gaji
- II Belian
- III Perabot
- IV Pinjaman

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

6. Maklumat di bawah diperolehi daripada Perniagaan Usaha Jaya pada 31 Disember 20X7.

	RM
Jualan bersih	42 000
Belian bersih	25 000
Inventori pada 1 Januari	17 500
Inventori pada 31 Disember	18 000

Berapakah untung kasar?

- A. RM16 000
- B. RM17 000
- C. RM18 000
- D. RM19 000

7. Maklumat di bawah diambil daripada Perniagaan Zuhail pada 31 Disember 20X7.

	RM
Jualan bersih	62 500
Kos jualan	42 000
Belanja	12 500
Hasil	1 000

Berapakah untung bersih?

- A. RM34 000
- B. RM21 000
- C. RM9 000
- D. RM7 000

8. Antara berikut, yang manakah aset semasa?

- A. Bangunan
- B. Komputer
- C. Inventori
- D. Overdraft bank

9. Maklumat berikut diambil daripada penyata kewangan Perniagaan Kurnia pada 31 Mac 20X6.

	RM
Akaun Belum Terima	14 500
Akaun Belum Bayar	12 500
Bank	9 800
Inventori	10 000
Perabot	12 000
Pinjaman	15 000

Berapakah aset semasa?

- A. RM34 300
  - B. RM32 300
  - C. RM31 800
  - D. RM19 800
10. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Harmoni pada 31 Disember 20X7.

	RM
Pulangan jualan	500
Kos jualan	20 000
Untung kasar	35 000

Berapakah jualan?

- A. 60 000
  - B. 55 500
  - C. 55 000
  - D. 54 500
11. Syarikat Unggul Berhad menetapkan harga jualan barang niaga dengan menambahkan 30% pada harga kosnya.

Apakah analisis nisbah yang dimaksudkan?

- A. Peratus untung tokokan
- B. Peratus pulangan atas modal
- C. Peratus margin untung kasar
- D. Peratus margin untung bersih

12. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Jaya Sakti.

	RM
Jualan	91 000
Pulangan jualan	1000
Untung kasar	20 000
Belanja operasi	7 000
Hasil operasi	2 000

Berapakah peratus margin untung bersih?

- A. 30.0%
- B. 22.2%
- C. 16.7%
- D. 16.5%

13. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peratus margin untung kasar?

- A. Peratus untung kasar bagi setiap ringgit jualan bersih
- B. Peratus untung kasar bagi setiap ringgit kos jualan
- C. Peratus untung kasar bagi setiap ringgit kos barang untuk dijual
- D. Peratus untung kasar bagi setiap ringgit jumlah kos

14. Pernyataan berikut berkaitan dengan suatu nisbah kewangan.

- Mengukur keuntungan yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.

Apakah nisbah kewangan tersebut?

- A. Pulangan atas modal
- B. Peratus untung tokokan
- C. Peratus margin untung kasar
- D. Peratus margin untung bersih

15. Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Bahtera pada 31 Disember 20X7.

	RM
Tunai	5 000
Akaun Belum Bayar	12 000
Akaun Belum Terima	15 000
Perabot	30 000
Inventori	15 000

Berapakah nisbah semasa?

- A. 1.7 : 1
- B. 2.1 : 1
- C. 2.5 : 1

D. 2.9 : 1

16. Antara berikut, yang manakah analisis nisbah kecekapan?

- A. Nisbah semasa
- B. Peratus pulangan atas modal
- C. Peratus margin untung bersih
- D. Kadar pusing ganti inventori

17. Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Cemerlang bagi perniagaan berakhir 30 Jun 20X6 dan 20X7.

	<b>20X6</b>	<b>20X7</b>
	RM	RM
Untung bersih	40 000	45 000
Modal pada 30 Jun	125 000	150 000

Berapakah peratus pulangan atas modal pada tahun 20X6?

- A. 36.0%
- B. 30.0%
- C. 32.0%
- D. 27.0%

18. Pernyataan manakah yang merujuk kepada kadar pusing ganti aset?

- A. Mengukur kecekapan perniagaan menjual aset tetap
- B. Mengukur keupayaan perniagaan menambah aset
- C. Mengukur keupayaan perniagaan mendapat keuntungan daripada jualan aset
- D. Mengukur kecekapan perniagaan dalam penggunaan aset yang dimiliki bagi menjana jualan

19. Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Riviera pada 30 April 20X6 dan 20X7.

	<b>20X6</b>	<b>20X7</b>
Peratus pulangan atas modal	15%	20%

Apakah rumusan yang dapat dibuat?

- A. Peratus pertambahan modal sebanyak 3%
- B. Keuntungan perniagaan meningkat sebanyak 3%
- C. Modal pada tahun 20X7 lebih banyak daripada 20X6
- D. Pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan meningkat 5%

20. Apakah kegunaan nisbah kecairan?

- A. Mengukur keupayaan perniagaan menjana keuntungan
- B. Mengukur keupayaan perniagaan mengurus aset
- C. Mengukur keupayaan perniagaan membayar hutang jangka pendek
- D. Mengukur keupayaan perniagaan mencairkan aset bukan semasa

## BAB 4: PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

### SKEMA JAWAPAN

NO	JAWAPAN
1	C
2	B
3	D
4	B
5	A
6	C
7	C
8	C
9	A
10	B

NO	JAWAPAN
11	A
12	C
13	A
14	A
15	D
16	D
17	A
18	D
19	D
20	D